



Buletin

Zulkaedah 1446H/Mei 2025

ACIS

Hari Guru: Pemacu Reformasi Pendidikan



eISSN 2600-8289



9 772600 828001

Kritikan Penyiaran: Perananan *Setting* dalam Drama. Keyakinan Penonton *Versus* Kewibawaan Jalan Cerita



Oleh:

Shahril Anuar Abdul Ghalim

Pensyarah Kanan, Fakulti Komunikasi dan
Pengajian Media (FKPM), UiTM Negeri
Sembilan, Kampus Rembau

Umum mengetahui bahawa drama sememangnya rancangan yang popular dewasa ini. Drama banyak mengungkap jalan cerita yang pelbagai yang kelazimannya diilhamkan berdasarkan keadaan masyarakat ketika ianya diterbitkan. Drama mengangkat tema-tema yang dekat dengan hati penonton antaranya ialah kasih sayang, kekeluargaan, keagamaan, kemasyarakatan dan pelbagai kupasan isu yang mendasarinya. Drama bolehlah dikatakan di bawah kategori rancangan Bukan Berfakta (*Non-Factual*) iaitu bentuk rancangan rekaan berdasarkan kisah yang benar-benar berlaku atau hanya ilham yang dicipta oleh pengarah ataupun ianya hasil gabungan idea kedua-duanya. Secara mudahnya, kisah yang dipapar banyak dipengaruhi oleh idea ciptaan atau rekaan samada menerusi watak, jalan cerita, olahan dialog, latar masa atau lokasi, dan membawakan mesej yang hendak disampaikan. Walaupun begitu, dengan susunan idea yang baik dan pengarah yang kreatif, drama mampu menjelmakan fenomena terhadap corak tontonan penonton.

Skrip merupakan tunjang utama jika kita merujuk kepada kejayaan sesuatu drama yang dipersembahkan secara umum. Kekuatan skrip sangat penting apatah lagi apabila ingin membawakan mesej yang padat dengan pengajaran dan pendidikan kepada penonton. Olahan skrip harus dilakukan dengan teliti kerana ianya haruslah mampu untuk berkomunikasi dengan penonton. Jalinan antara cerita dengan penonton harus dititikberatkan dalam usaha menarik minat dan kefahaman agar ianya berlangsung dengan jayanya. Maka pengarah perlu menterjemahkan skrip kepada persembahan audio visual yang berkesan agar penonton dapat menyelami dan merasakan kebenaran jalan cerita yang diolah. Dan disinilah ciri-ciri *setting* memainkan peranan untuk mencipta keyakinan dan kewibawaan tontonan.

Setting merupakan antara ciri-ciri yang menguatkan lagi sesuatu jalan cerita dari sudut keyakinan dan kebenaran yang cuba dikupas. Peranannya dalam melengkapi jalan cerita adalah sangat penting untuk membuatkan penonton mempercayai apa yang mereka tonton berdasarkan asas pemikiran mereka untuk menerima atau menolak sesuatu drama berkenaan. Dengan kata mudah, penonton akan mempercayai berdasarkan aspek logik yang menyokong

persembahan drama. Antaranya adalah persembahan set, lokasi, gaya pertuturan, props, solekan dan fesyen, muzik, dan persembahan. Kesemua adunan ini jika diterjemahkan dengan baik maka keyakinan penonton terhadap drama berkenaan akan tinggi sekaligus membuatkan penonton mengikuti jalan cerita dengan penuh minat dan fokus pada apa yang cuba disampaikan.

Set merupakan ciri penting dalam drama yang perlu difokuskan. Set merupakan suasana persekitaran yang bakal mewarnai jalan cerita. Tumpuannya adalah untuk memberi gambaran secara jelas berkaitan cerita berkenaan. Sebagai contoh set untuk drama bertemakan kekeluargaan. Set harus mampu untuk membawakan suasana kekeluargaan seperti yang dikehendaki oleh skrip. Jika ianya menceritakan tentang keluarga yang penuh kasih sayang maka set juga perlulah mencerminkan suasana harmoni sebagai unsur yang menyokong keadaan berkenaan. Mungkin keadaan rumah yang sederhana tetapi cukup lengkap untuk dihuni oleh keluarga dengan penuh keluhuran dan keharmonian rumahtangga. Gambaran ini akan membawakan penonton untuk merasai erti sebenar yang cuba dibawakan oleh drama berkenaan.

Begitu juga dengan lokasi dimana ia akan melengkapi jalan cerita yang cuba disampaikan. Jika skrip membawakan cerita berkisar masyarakat luar bandar maka lokasi harus dipilih mengikut kesesuaian jalan cerita. Sebagai contoh, kisah kehidupan masyarakat kampung yang mengerjakan sawah padi sebagai punca rezeki. Pengarah perlu memilih lokasi yang bertepatan dengan jalan cerita. Kesesuaian lokasi sahaja tidak mencukupi kerana ia melibatkan jenis tanaman khusus yang perlu ditanam dengan waktu musim penanaman padi. Nampak seperti mudah tetapi percaturan perlu diimbangi dari segenap aspek pembuktian yang menyokong situasi yang bakal dipersembahkan. Dengan pemilihan lokasi yang sesuai maka susunan cerita akan nampak lebih sempurna dimata penonton.

Tidak akan lengkap drama tanpa olahan dialog yang mendasarinya. Ini juga salah satu ciri *setting* yang penting untuk diberi penekanan. Dialog akan mencerminkan tahap pembuktian yang nyata kepada penonton terhadap membawakan watak dalam drama. Kata-kata, gaya percakapan, lantunan suara dan pemilihan pelakon yang mampu mengungkap dialog dengan berkesan adalah penting untuk membawa penonton ke peringkat yang seterusnya dari sudut keberkesanan lakonan yang mewakili sesuatu golongan. Seperti contoh, gaya percakapan golongan masyarakat bandar dan luar bandar, golongan kaya dan miskin, dialek negeri, hubungan kekeluargaan,

jenis pekerjaan dan lain-lain lagi yang bersandarkan dengan watak dan perwatakan yang diwujudkan mengikut cerita yang hendak dipersembahkan.

Props juga salah satu *setting* yang berfungsi untuk menjelmakan suasana yang dikehendaki. Segala keperluan watak harus difikirkan dengan ruang lingkup yang luas. Penggunaan props akan menjadikan jalan cerita mampu untuk memberikan kesan emosi kepada penonton untuk turut sama merasai apa yang dirasakan oleh watak dalam drama. Sebagai contoh cerita yang berkisarkan kehidupan yang dijerat kemiskinan. Pengarah perlu memberi kesan visual yang berkesan untuk menggambarkan keadaan ini dengan bantuan props. Gambaran teliti dalam menyokong jalan cerita akan membuatkan penonton merasai kesan emosi perihal keperitan hidup melalui watak.

Fesyen dan gaya pemakaian juga mendasari kebolehpercayaan dalam drama. Watak akan nampak lebih berkesan seandainya digayakan dengan fesyen dan *trend* yang bersesuaian dengan latar zaman. Jangan tersalah memilih corak pemakaian yang harus diperagakan kerana ia akan menimbulkan tanda tanya berkenaan realiti zaman. Kesilapan akan menyebabkan keyakinan penonton menurun dan memungkinkan penonton hilang minat dan kesungguhan untuk meneruskan tontonan.

Kebelakangan ini, runut muzik atau *soundtrack* dilihat menjadi nadi bagi menggalak dan mengekalkan tontonan terutamanya dalam drama rantaian atau bersiri.

Penggunaan lagu-lagu popular dan menghubungkan lagu dengan jalan cerita difikirkan satu taktik yang berkesan. Penonton akan mudah mesra dengan lagu yang mewakili drama dan seringkali menjadi siulan nyanyian antara mereka. Ini adalah bonus kepada pengarah jika ia berjaya untuk mendapatkan lagu yang baik terutamanya lagu yang belum di keudarakan di mana-mana platform media dan ianya diperkenalkan serentak dengan penerbitan drama. Sudah pasti ia akan menjadi lambang asas atau *trademark* bagi drama tersebut untuk suatu jangka masa yang panjang.

Kesimpulannya, ciri *setting* sangat perlu dianalisis, ditafsirkan, dinilai dan dirumuskan dengan justifikasi yang berkesan dalam olahan drama bagi memberikan kepuasan tontonan kepada penonton. Penonton dengan mudah akan mengesan kepincangan yang ada dalam drama. Sama ada mereka memilih untuk meneruskan tontonan ataupun tidak, ia banyak bergantung pada minat dan citarasa mereka. Perlu diingat, bagi membawakan penonton untuk kekal menonton bukan perkara mudah ekoran saingan daripada pelbagai saluran yang ada kebelakangan ini. Jika *setting* dilakukan dengan betul, tidak mustahil sesuatu drama itu mampu untuk diangkat ke peringkat yang lebih jauh.